



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PROGRAM NIKMAT UNTUK RAKYAT PETRA (NUR@PETRA) 2026 BANTU RAKYAT HADAPI KRISIS TENAGA DAN BEKALAN

PUTRAJAYA, 29 Jun 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) sebagai agensi pelaksana akan melaksanakan Program Nikmat Untuk Rakyat (NUR@PETRA) tahun 2026 bagi Kategori Domestik bermula pada bulan Julai 2026.

Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada langkah Kerajaan dalam membantu rakyat menghadapi cabaran krisis bekalan berikutan peningkatan kos tenaga dan ketidaktentuan pasaran tenaga global akibat konflik geopolitik di Asia Barat, di samping merealisasikan agenda peralihan tenaga negara.

Pelaksanaan Program NUR@PETRA Domestik bertujuan untuk menggalakkan pengguna domestik beralih kepada penggunaan peralatan elektrik cekap tenaga, khususnya penyaman udara dan peti sejuk. Inisiatif ini turut menyokong usaha Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga, mengurangkan kos bil elektrik isi rumah serta memupuk amalan penggunaan tenaga yang lebih lestari dalam kalangan rakyat.

Bagi tahun 2026, Kerajaan memperuntukkan sejumlah **160,000** unit rebat bernilai RM32 juta untuk pelaksanaan program ini. Pengguna domestik yang layak boleh menikmati rebat sebanyak RM200 bagi pembelian penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga yang mempunyai label kecekapan tenaga 4 atau 5 bintang daripada Suruhanjaya Tenaga (ST)

atau Energy Commission of Sabah (ECoS). Permohonan rebat bagi Kategori Domestik akan dibuka bermula pada 1 Julai 2026.

Pelaksanaan Program NUR@PETRA Domestik dijangka dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 552.25 gigawatt-jam (GWh), bersamaan penjimatan kos sebanyak RM250.72 juta bagi tempoh lima (5) tahun. Program ini juga dijangka menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon sebanyak 408,655 tan CO₂eq, tertakluk kepada jangka hayat dan tahap kecekapan pengoperasian peralatan berkenaan.

Maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan, kaedah permohonan, mekanisme pelaksanaan serta senarai jenama dan model peralatan elektrik cekap tenaga di bawah Program NUR@PETRA 2026 boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang rasmi SEDA Malaysia di www.seda.gov.my/nur.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, Program NUR@PETRA Domestik merupakan inisiatif kerajaan bagi menggalakkan penggunaan tenaga yang cekap dan mampan, sekali gus menyokong kesejahteraan rakyat, pembangunan rendah karbon dan kemampanan sumber tenaga negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

29 Jun 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



PETRA

PETRAMALAYSIA

